



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA  
*Malaysian Examinations Council*



# LAPORAN PEPERIKSAAN **STPM 2022**

## Perakaunan (948)

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 1, bilangan calon yang mengambil mata pelajaran ini ialah 2 370 orang. Peratusan calon yang lulus penuh ialah 62.76%.

Pencapaian calon bagi mata pelajaran ini mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	11.65	5.74	3.46	6.79	12.70	10.97	11.43	3.97	5.23	3.16	24.89

## RESPONS CALON

### KERTAS 948/1 (PERAKAUNAN KEWANGAN)

#### *Komen am*

Mutu jawapan calon lebih baik berbanding dengan calon tahun sebelumnya. Kebanyakan calon dapat memberikan jawapan bahagian kualitatif dengan jelas, terutamanya bagi soalan menyenaraikan prinsip perakaunan dalam penyediaan penyata kewangan yang membantu pihak dalaman membuat keputusan. Kelemahan majoriti calon yang dikenal pasti dalam kertas Perakaunan 948/1, STPM tahun 2022 ialah soalan menghitung kos-kos belanja operasi bulanan dan menentukan jumlah pembiayaan keseluruhan pinjaman. Calon tidak dapat memberikan cadangan jawapan alternatif yang menepati kehendaki soalan.

#### *Komen soalan demi soalan*

##### **Soalan 1**

Soalan bahagian (a) menghendaki calon memerihalkan **tiga** prinsip yang diamalkan dalam penyediaan penyata kewangan. Soalan memerlukan calon mentakrif prinsip yang disenaraikan. Kesilapan kebanyakan calon mentakrifkan prinsip yang kurang tepat. Contoh jawapan calon yang tidak diterima ialah:

Jawapan calon	Alasan jawapan tidak diterima
Konservativisme ialah prinsip TAKAP	TAKAP ialah kaedah bukan menerangkan prinsip
Konservativisme, belanja mesti dilebihkan tetapi untung tidak perlu dicatat.	Konservativisme bermaksud semua belanja mungkin berlaku dan mesti diambil kira. Hasil hanya iktiraf apabila belanja telah direaliskan.
Prinsip tempoh berkala	Terma yang tepat ialah tempoh perakaunan
Prinsip catatan beregu	Prinsip ini ialah sistem merekod

Setiap jawapan calon bagi prinsip diterima umum ialah tepat, masalah calon adalah di bahagian perihalkan prinsip. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

**Tempoh perakaunan**

Penyediaan laporan kewangan secara berkala untuk membolehkan prestasi perniagaan dapat dibandingkan.

**Keobjektifan**

Semua urus niaga mesti disokong dengan dokumentasi.

**Pendedahan penuh**

Semua maklumat yang boleh mempengaruhi pembuatan keputusan pengguna penyata kewangan perlu didedahkan.

Soalan bahagian (b)(i) menghendaki calon menyediakan pelarasan jurnal. Kebanyakan calon menjawab soalan dengan tepat dan jelas, iaitu perkataan belanja bagi sewa digunakan dengan baik. Calon dapat memberikan jawapan catatan jurnal dalam butiran akaun berserta dengan keterangan bagi setiap jurnal dengan baik.

Terdapat sebahagian calon menggunakan akaun yang salah atau mengubah nama akaun lain bagi akaun yang telah wujud dalam soalan, seperti belanja gaji. Calon menulis jawapan "Belanja gaji pekerja" untuk menggantikan nama akaun yang sudah wujud, iaitu "Belanja gaji".

Terdapat ramai calon yang tidak dapat merekodkan urus niaga maklumat tambahan (3), iaitu inventori akhir yang terlebih catat dan kiraan susut nilai untuk peralatan pejabat (nilai buku bersih). Kebanyakan calon menghitung susut nilai untuk peralatan pejabat seperti yang berikut:

$$10\% \times RM16,000 = RM1,600$$

Jawapan calon sepatutnya adalah seperti yang berikut:

Dt	Penyata pendapatan komprehensif	RM7,000
Kt	Inventori	RM7,000
(Merekod inventori akhir yang terlebih catat)		
Dt	Belanja Susut nilai Peralatan	RM2,000
Kt	Susut nilai Terkumpul peralatan	RM2,000
(10% × 20,000)		
(Merekod belanja susut nilai peralatan)		

Calon juga masih tidak menunjukkan jalan kerja di bahagian Jurnal Am ini, dan menyebabkan mereka hilang markah jalan kerja.

Soalan bahagian (b)(ii) menghendaki calon menyediakan penyata pendapatan komprehensif dengan format yang tepat. Soalan ini telah memberikan format penyata tersebut dan calon hanya perlu melaras angka mengikut jurnal yang telah calon sediakan. Kebanyakan calon mendapat markah yang baik bagi soalan ini. Namun begitu, terdapat juga calon yang tidak melaras angka inventori akhir kepada RM15,000, iaitu melaras inventori yang terlebih nyata sebanyak RM7,000. Jawapan yang sepatutnya ialah, untung kasar dan untung bersih masing-masing ialah sebanyak RM64,000 dan RM21,400.

Soalan bahagian (b)(iii) menghendaki calon menyediakan penyata kedudukan kewangan. Kebanyakan calon menunjukkan kesilapan yang kerap di bahagian aset dan ekuiti pemilik. Bahagian aset pula, calon merekod kos peralatan pada nilai yang salah. Calon sepatutnya menghitung kos perolehan peralatan terlebih dahulu. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

<b>Hartanah loji dan peralatan</b>	<b>Kos</b>	<b>Susut nilai terkumpul</b>	<b>Nilai buku</b>
Kenderaan	25,000	4,000	21,000
Peralatan pejabat	20,000	6,000	14,000

Bagi ekuiti pemilik, kesilapan calon ialah menulis nama akaun modal awal sebagai RM47,000 di penyata kedudukan kewangan. Sepatutnya modal awal ialah RM22,000 dan modal tambahan RM25,000. Maka calon telah menggabungkan kedua-duanya menjadi RM47,000 dan menulis sebagai butiran modal awal. Jawapan ini tidak diterima. Jawapan yang tepat bagi angka ekuiti pemilik ialah:

<b>Ekuiti pemilik</b>	
Modal awal	RM22,000
Modal tambahan (van)	RM25,000
Untung Bersih	RM21,400
Ambilan	(RM5,000)
	<hr/>
	RM63,400

## Soalan 2

Soalan bahagian (a)(i) menghendaki calon menghitungkan baki modal pada 30 September 2020 dengan menunjukkan jalan kerja yang lengkap. Oleh sebab soalan ini memerlukan calon menghitung, maka markah masih dapat diberikan jika calon menunjukkan jalan kerja menghitung. Sekiranya calon hanya memberikan jawapan akhir, iaitu RM359,940 sahaja, jawapan ini tidak diterima.

Soalan bahagian (a)(ii) menghendaki calon menyatakan sama ada untung bersih direkodkan adalah tepat atau tidak. Majoriti calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Mereka tidak menyatakan urus niaga yang berlaku dalam maklumat (2) dan (3) ialah ambilan atau belanja peribadi. Terdapat juga calon yang dapat menyatakan majlis hari lahir anak dan komputer riba anak ialah kegunaan peribadi tetapi calon itu tersilap mengandaikan gaji pemilik ialah belanja operasi perniagaan. Calon juga gagal menjawab soalan sama ada untung bersih yang diberikan adalah tepat atau tidak. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

Untung bersih tidak tepat kerana belanja majlis hari lahir anak dan kos pembelian komputer riba untuk anak pemilik merupakan belanja peribadi dan tidak boleh diambil kira sebagai belanja perniagaan. Amaun tersebut sepatutnya diiktiraf sebagai ambilan. Begitu juga dengan tunai yang direkod sebagai gaji pemilik sepatutnya direkod sebagai ambilan.

Soalan bahagian (a)(iii) menghendaki calon menyediakan penyata kedudukan kewangan bagi Perniagaan Dapur Baiduri. Majoriti calon tidak menunjukkan jalan kerja untuk menghitung pendapatan bersih dan ambilan menyebabkan calon kehilangan markah apabila jawapan akhir calon tidak tepat. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

**Perniagaan Dapur Baiduri**  
**Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 September 2020**

<b>Ekuiti pemilik</b>	<b>RM</b>
Modal awal	359,940
Pendapatan bersih ( $140,040 + 3,500 + 2,400 + 64,600$ )	210,540
Ambilan ( $64,600 + 3,500 + 2,400$ )	(70.500)
	499,980

Soalan bahagian (b)(i) menghendaki calon menghitung belanja operasi bulanan dan jumlah pembiayaan bagi setiap alternatif yang diberikan. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan dengan tepat dan jelas. Calon itu tidak berupaya mengasingkan jalan kerja menghitung belanja operasi bulanan dan jumlah pembiayaan keseluruhan bagi setiap alternatif yang dinyatakan dalam soalan. Kebanyakan calon hanya mendapat markah pada sebahagian jalan kerja sahaja. Calon juga didapati tidak dapat memberikan alasan untuk pilihan yang dibuat berdasarkan jawapan di (b)(i). Kebanyakan calon tidak memahami maksud belanja operasi itu sebagai belanja bulanan. Jawapan yang tepat adalah seperti yang berikut:

### **Alternatif 1**

<i>Belanja bulanan</i>	<i>Kos keseluruhan</i>
Faedah pinjaman ( $6\% \times 120,000 \times 1/12$ ) = RM600	Faedah keseluruhan ( $6\% \times 120,000 \times 5$ tahun) = RM36,000
Belanja susut nilai ( $12,000/12$ bulan) = RM1,000	Pinjaman RM120,000
Jumlah belanja bulanan = RM1,600	Kos keseluruhan = RM156,000

### **Alternatif 2**

<i>Belanja bulanan</i>	<i>Kos keseluruhan</i>
Faedah pinjaman ( $4\% \times 120,000 \times 1/12$ ) = RM400	Faedah keseluruhan ( $4\% \times 120,000 \times 8$ tahun) = RM38,400
Belanja susut nilai ( $12,000/12$ bulan) = RM1,000	Pinjaman RM120,000
Jumlah belanja bulanan = RM1,400	Kos keseluruhan = RM158,400

### **Alternatif 3**

<i>Belanja bulanan</i>	<i>Kos keseluruhan</i>
Jumlah belanja bulanan = RM1,200	$1,200 \times 12 \times 10 = \text{RM}144,400$

Soalan bahagian (b)(ii) menghendaki calon mencadangkan alternatif yang wajar dipilih. Kebanyakan calon tidak memberikan jawapan yang tepat. Jawapan yang sepatutnya adalah berkaitan dengan belanja bulanan dan kos keseluruhan. Oleh yang demikian, jawapan yang sepatutnya dipilih ialah alternatif yang ke-3, kerana belanja operasi bulanan dan belanja keseluruhan pembiayaannya adalah yang terendah.

### **Soalan 3**

Soalan bahagian (a) menghendaki calon memberikan maksud yang tepat untuk koperasi menengah dan koperasi atasan. Majoriti calon tidak dapat memberikan maksud koperasi menengah dan koperasi atasan dengan tepat walaupun soalan teori ini ialah soalan aras rendah. Jawapan yang dikehendaki adalah seperti yang berikut:

*Koperasi menengah* bermaksud beberapa koperasi asas bergabung menuju ke koperasi menengah.

*Koperasi atasan* bermaksud gabungan daripada koperasi menengah dan koperasi asas.

Soalan bahagian (b)(i) menghendaki calon menyediakan penyata pendapatan komprehensif koperasi. Kebanyakan calon gagal memberikan jawapan yang tepat. Calon tidak dapat menyediakan penyata pendapatan dengan untung bersih yang tepat. Kebanyakan calon salah menjawab soalan di bahagian pendapatan caj destinasi pakej. Kebanyakan jawapan calon mencampurkan caj destinasi pakej dalam penyata penerimaan dan langganan destinasi pakej dalam jadual sebagai hasil utama sedangkan hanya hasil perkhidmatan koperasi, iaitu caj destinasi pakej sahaja sebagai hasil utama perniagaan. Jadual destinasi pakej sebagai rujukan harga pakej untuk menghitung jumlah langganan yang belum diberikan. Selain itu, ramai juga calon yang menulis hasil perkhidmatan ini sebagai jualan, dan langganan belum diberikan sebagai inventori akhir. Ini adalah format untuk perniagaan pembarangan, bukan perniagaan perkhidmatan. Walau bagaimanapun, ada sebilangan kecil calon dapat memberikan jawapan tepat bagi hasil koperasi seperti yang berikut:

<b>Pendapatan:</b>	<b>RM</b>
Caj destinasi pakej (7,231,773 – 230,400)	7,001,373
Yuran masuk	58,400
	7,059,773

Majoriti calon dapat menunjukkan jalan kerja pengiraan bagi perbelanjaan koperasi dengan baik dalam penyata pendapatan. Bagi jawapan pembahagian keuntungan koperasi berdasarkan angka untung bersih yang telah dihitung, calon masih mendapat markah dengan jalan kerja penghitungan yang tepat di penyata pembahagian keuntungan.

	<b>RM</b>
Jumlah perbelanjaan	6,954,422
Untung Bersih	105,351
Kumpulan wang rizab berkanun	12,642
Kumpulan wang amanah pendidikan	2,107
Kumpulan wang amanah pembangunan	1,054
Dividen dicadang	10,270
Honorarium	8,955
Tabung kebajikan anggota	8,955
Pendapatan tertahan	61,368

Masih ada sebilangan kecil calon tidak menunjukkan kiraan untuk rizab berkanun, kumpulan wang amanah pendidikan, kumpulan wang amanah pembangunan, honorarium, dan tabung kebajikan anggota di pembahagian keuntungan. Ini menyebabkan calon hilang markah pengiraan. Perkara ini berlaku kerana

kerap kali calon gagal memberikan jawapan untung bersih dengan tepat dan menyebabkan agihan markah jawapan seterusnya terjejas.

Soalan bahagian (b)(ii) menghendaki calon menyediakan petikan bahagian liabiliti dan ekuiti. Majoriti calon tidak dapat memberikan jawapan yang tepat. Walaupun angka aman agihan berkanun adalah salah, tetapi calon masih mendapat markah kerana dapat memindahkan angka tersebut ke liabiliti dan ekuiti dengan betul. Bagi terma pendapatan tertahan dalam kumpulan wang anggota atau ekuiti, ramai calon yang menggunakan terma untung terkumpul akhir, untung rugi, atau untung bersih. Terma itu tidak diterima dalam jawapan kerana terma pendapatan tertahan telah diberikan dalam soalan. Calon sepatutnya menamakan dividen sebagai dividen belum bayar, bukannya hanya dividen sahaja. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

#### **Liabiliti Semasa**

Pendahuluan pelanggan	230,400
Dividen belum bayar	10,270
Honorarium	8,955
Kumpulan wang amanah pendidikan	2,107
Kumpulan wang amanah pembangunan	1,054
	252,785

#### **Kumpulan wang anggota/Ekuiti**

Modal saham anggota	102,700
Kumpulan wang rizab	12,642
Tabung kebajikan anggota	8,955
Pendapatan tertahan	61,369
	185,666

#### **Soalan 4**

Soalan bahagian (a)(ii) menghendaki calon memberikan maksud catatan tunggal. Majoriti calon memberikan jawapan yang kurang tepat, iaitu catatan tunggal ialah rekod urus niaga di salah satu bahagian, iaitu di sebelah debit atau kredit sahaja. Jawapan ini masih diterima, walaupun kurang tepat. Terdapat juga calon memberikan jawapan, iaitu maksud catatan tunggal ialah rekod tidak lengkap, jawapan ini tidak boleh diterima. Jawapan yang paling tepat, catatan tunggal ialah sistem perekodan yang bukan sistem catatan bergu.

Soalan bahagian (a)(ii) menghendaki calon menyatakan sama ada laporan kewangan catatan tunggal sah diterima pakai atau tidak. Sebahagian besar calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Jawapan yang sepatutnya ialah laporan kewangan daripada catatan tunggal adalah sah untuk diterima pakai apabila ia telah disahkan oleh pihak bebas yang bertauliah ataupun juruaudit.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon memberikan tiga sebab rekod tidak lengkap boleh wujud. Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dengan baik dan tepat. Namun begitu, terdapat sebahagian calon menjawab soalan dengan ayat yang tidak lengkap, dan tidak dapat diterima seperti yang berikut:

1. Berlaku kebakaran dan banjir
2. Perniagaan tiada pengetahuan
3. Berlaku kecurian

4. Kehilangan
5. Kos
6. Penyimpanan dokumen tidak difaillkan secara sistematis

Jawapan calon yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

1. Berlaku kebakaran dan banjir maka dokumen perniagaan telah musnah
2. Pemilik perniagaan tiada ilmu pengetahuan perakaunan
3. Berlaku kecurian di premis perniagaan dan dokumen telah hilang
4. Kehilangan dokumen perniagaan akibat pecah masuk atau jenayah
5. Kos melebihi manfaat yang akan diterima oleh perniagaan skala kecil

Soalan bahagian (c)(i) menghendaki calon menentukan sama ada Perniagaan June Tan mendapat keuntungan atau mengalami kerugian bagi setengah tahun berakhir 30 Jun 2020. Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun begitu, masih ada calon yang tidak menunjukkan sebarang jalan kerja dan hanya memberikan jawapan akhir sahaja. Ini menyebabkan calon kehilangan markah jalan kerja. Jawapan yang sepatutnya diberikan oleh calon dengan jalan kerja yang lengkap adalah seperti yang berikut:

$$\text{Modal awal} = \text{RM}162,000 - \text{RM}8,000 = \text{RM}154,000$$

$$\text{Modal akhir} = \text{RM}218,000 - \text{RM}36,000 = \text{RM}182,000$$

$$\text{Kerugian/Rugi bersih} = [\text{RM}182,000 - \text{RM}154,000] + \text{RM}2,000 - \text{RM}50,000 = \text{RM}20,000$$

Soalan bahagian (c)(ii) menghendaki calon menghitung jumlah jualan. Kebanyakan calon menunjukkan jalan kerja atau menggunakan kawalan akaun belum terima untuk mengira jualan kredit. Majoriti calon mendapat markah yang baik dan memberikan jawapan yang seperti di bawah.

**Akaun Kawalan Akaun Belum Terima**

Baki b/b	20,000	Bank	25,000
Jualan	42,700	Pulangan jualan	1,000
		Diskaun diberi	1,500
		Hutang lapuk	200
		Baki h/b	35,000
	62,700		62,700

$$\begin{aligned}\text{Jumlah Jualan} &= \text{Jualan kredit} + \text{Jualan tunai} \\ &= \text{RM}42,700 + \text{RM}12,000 \\ &= \text{RM}54,700\end{aligned}$$

### Soalan 5

Soalan bahagian (a) menghendaki calon memberikan **empat** prinsip kawalan dalam fizikal. Majoriti calon memberikan jawapan yang salah, iaitu, empat prinsip kawalan dalam seperti pengasingan tugas, penetapan tanggungjawab, kelulusan, dan lain-lain. Jawapan yang sepatutnya ialah empat langkah atau kaedah yang boleh digunakan bagi melaksanakan kawalan dalam fizikal. Calon sepatutnya memberikan jawapan, seperti CCTV, laci berkunci, pengawal keselamatan, alat penggera, dan langkah lain yang sesuai dengan kawalan dalam fizikal.

Soalan bahagian (b)(i) menghendaki calon menjelaskan sama ada prinsip kawalan dalaman telah dipatuhi atau tidak dipatuhi bagi setiap prosedur yang diamalkan oleh Perniagaan Kilauan Permata.

Soalan bahagian (b)(ii) menghendaki calon mencadangkan langkah yang perlu diambil oleh Perniagaan Kilauan Permata bagi mengatasi ketidakpatuhan kawalan dalaman di (b)(i). Bagi jawapan (b)(i), calon sepatutnya memberikan jawapan yang hanya berfokus kepada setiap situasi yang diberikan dalam soalan dan bukannya jawapan secara umum. Mutu jawapan yang sama didapati dalam jawapan (b)(ii), kebanyakan calon memberikan cadangan langkah secara umum untuk mengatasi kawalan dalaman yang tidak dipatuhi. Cadangan tersebut tidak berfokus kepada situasi ataupun masalah yang berlaku dalam soalan. Contohnya, cadangan untuk mengatasi masalah pengasingan tugas yang tidak dipatuhi adalah dengan mengasingkan tugas kerani akaun untuk merekod, manakala tugas menerima tunai dan mendeposit tunai diberikan kepada pegawai lain. Kebanyakan jawapan calon adalah salah, iaitu tugas menerima, merekod, dan mendeposit perlu diberikan kepada pekerja yang berasingan.

Jawapan yang sepatutnya bagi soalan (b)(i) dan (b)(ii) adalah seperti yang berikut:

<b>Prosedur</b>	<b>(b)(i) Prinsip kawalan</b>	<b>(b)(ii) Cadangan</b>
1	Kawalan mekanikal, elektronik, dan fizikal dipatuhi kerana penerimaan tunai disimpan di mesin daftar tunai.	Tiada
2	Penetapan tanggungjawab tidak dipatuhi kerana semua pembantu yang bertugas dalam syif boleh menggunakan mesin daftar tunai.	Menetapkan hanya seorang pekerja bertanggungjawab menggunakan mesin daftar tunai pada setiap syif
3	Verifikasi dalaman dipatuhi kerana penyelia membandingkan jumlah tunai dengan rekod mesin daftar tunai.	Tiada
4	(1) Pengasingan tugas tidak dipatuhi kerana kerani akaun akan mengirakan jumlah tunai yang diterima, mendepositkan tunai tersebut ke bank dan kemudian merekod amaun tunai yang dibankkan.  (2) Kawalan mekanikal, elektronik, dan fizikal dipatuhi kerana penerimaan tunai dibankkan pada setiap hari oleh kerani akaun.	Mengasingkan tugas kerani akaun bagi aktiviti yang berkait dengan tunai, iaitu tugas menerima tunai diberi kepada juruwang, mendepositkan tunai patut dipisahkan daripada merekod tunai di buku. Sekurang-kurangnya dua pegawai yang berbeza melakukan tugas mendeposit dan merekod tunai.  Tiada

Soalan bahagian (c)(i) menghendaki calon menghuraikan empat kesilapan yang terdapat dalam penyata kedudukan kewangan Perniagaan Herba Asli yang diberikan. Majoriti calon memberikan jawapan yang tepat dan jelas bagi soalan ini. Kebanyakan calon dapat memberikan empat kesilapan dalam penyata kedudukan kewangan seperti yang berikut:

1. Pemuitang dagangan dikelaskan sebagai aset semasa.
2. Peralatan dikelaskan sebagai aset semasa.

3. Penghutang dikelaskan sebagai liabiliti.
4. Susut nilai terkumpul dikelaskan sebagai ekuiti pemilik.
5. Liabiliti tidak dikelaskan mengikut kategori semasa dan bukan semasa.
6. Kesalahan tarikh penyata kedudukan kewangan.
7. Kesilapan menjumlahkan aset dan ekuiti.

Soalan bahagian (c)(ii) menghendaki calon menyediakan penyata kedudukan kewangan Perniagaan Herba Asli yang betul. Kebanyakan calon dapat memberikan jawapan penyata kedudukan kewangan dengan pengelasan yang tepat seperti yang berikut:

**Perniagaan Herba Asli**  
**Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2020**

	RM	RM	RM
	Kos	Susutnilai terkumpul	Nilai buku bersih
<b>Harta Tanah dan Loji dan Peralatan</b>			
Tanah			120,000
Bangunan	313,400	173,400	140,000
Peralatan	86,000	36,960	49,040
			<u>309,040</u>
<b>Aset Semasa</b>			
Tunai		10,560	
Inventori		12,250	
Prabayar		9,600	
Bekalan		3,300	
Penghutang dagangan		27,500	
		<u>63,210</u>	
<b>Liabiliti Semasa</b>			
Pembiutang dagangan	13,580		
Gaji dan upah belum bayar	2,680		
		<u>16,260</u>	
Aset semasa bersih			46,950
			<u>355,990</u>
<b>Ekuiti pemilik</b>			
Modal	260,990		
Pendapatan bersih	50,000	310,990	
<b>Liabiliti Bukan Semasa</b>			
Nota belum bayar jangka panjang		45,000	
		<u>355,990</u>	

# PERAKAUNAN

## 948/2

### PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 2, bilangan calon yang menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini ialah 2 351 orang. Peratusan calon yang lulus penuh ialah 73.29%.

Pencapaian calon mengikut gred bagi mata pelajaran ini adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	7.83	6.98	11.48	8.93	15.40	11.53	11.14	4.93	2.68	5.02	14.12

### RESPONS CALON

#### KERTAS 948/2 (PERAKAUNAN KEWANGAN)

##### *Komen am*

Secara keseluruhan, kebanyakan calon merancang jawapan mereka dengan baik dan cuba menjawab empat soalan dalam masa yang diperuntukkan. Walau bagaimanapun arahan pada muka hadapan kertas soalan perlu diberikan perhatian oleh calon.

Kelemahan calon adalah pada soalan berbentuk kualitatif. Terdapat calon yang tidak mencuba untuk menjawab soalan kualitatif. Sebahagian calon memberikan jawapan yang terlalu umum. Soalan kuantitatif dapat dijawab dengan baik oleh kebanyakan calon.

Secara keseluruhan, aras kesukaran soalan adalah pada aras sederhana kerana ia merangkumi soalan aras mudah, sederhana, dan sukar.

##### *Komen soalan demi soalan*

###### **Soalan 1**

Soalan bahagian (a) menghendaki calon memerihalkan **tiga** perbezaan antara perakaunan pengurusan dengan perakaunan kewangan. Terdapat calon memberikan jawapan perbezaan perakaunan pengurusan dan perakaunan kewangan dalam bentuk pernyataan negatif yang tidak boleh diterima seperti yang berikut:

Kriteria	Perakaunan Pengurusan	Perakaunan Kewangan
Pengguna laporan	Pengguna dalaman	Bukan pengguna dalaman
Pematuhan piawai	Tidak tertakluk kepada piawaian	Mematuhi keperluan GAAP
Kekerapan	Bila-bila masa	Berkala – sukuan, setahun
Jenis maklumat	Maklumat kewangan dan bukan kewangan	Maklumat kewangan sahaja

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

Kriteria	Perakaunan Pengurusan	Perakaunan Kewangan
Pengguna laporan	Pengguna dalaman	Pengguna luaran
Liputan	Laporan terperinci mengikut jabatan/produk/segmen	Laporan organisasi secara keseluruhan
Fokus masa	Berorientasikan masa depan	Berorientasikan masa lepas
Kekerapan	Bila-bila masa mengikut keperluan jabatan	Berkala, iaitu bulanan, sukuan, atau tahunan

Soalan bahagian (b)(i) menghendaki calon menghitung kos operasi pada kuantiti purata pengeluaran yang berbeza, iaitu jumlah kos operasi dan kos operasi per tan metrik bagi bulan Jun menggunakan purata pengeluaran (1) 10 tan metrik dan (2) 22 tan metrik. Kebanyakan calon gagal menentukan kos seunit perkhidmatan, iaitu kos seunit ialah kos operasi per tan metrik sehari kerana gagal menentukan jumlah kuantiti pengeluaran sebulan, iaitu 25 hari.

Jawapan yang sepatutnya bagi jumlah kos operasi bulan Jun dan kos operasi per tan metrik bulan Jun adalah seperti yang berikut:

Pengeluaran dalam tan sehari	10 tan	22 tan
Bayaran subkontraktor	RM7,500	RM16,500
Bayaran pengangkutan	RM3,750	RM8,250
Kos tetap	RM7,500	RM24,750
<b>Jumlah kos bulan Jun</b>	<b>RM18,750</b>	<b>RM47,250</b>
Kos operasi per tan metrik	RM18,750 250 RM75.00	RM47,250 550 RM85.91

Soalan bahagian (b)(ii) menghendaki calon menjelaskan kos operasi per tan metrik yang diperoleh di (b)(i). Hampir kesemua calon gagal memperoleh markah penuh bagi bahagian ini. Bahagian ini menghendaki calon menjelaskan perbezaan bagi kos operasi per tan metrik seperti yang telah dihitung. Calon boleh memberikan indikasi perbezaan bagi jumlah kos daripada 10 tan metrik kepada jumlah kos 22 tan metrik bagi bulan Jun. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

Kos operasi 22 tan metrik lebih tinggi daripada kos operasi 10 tan metrik. Kos tetap berdasarkan julat kuantiti purata pengeluaran yang berbeza. Kos berubah seunit pula adalah malar pada kedua-dua tahap pengeluaran yang dihitung.

## Soalan 2

Soalan bahagian (a) menghendaki calon menghitung aliran unit fizikal, unit setara bahan mentah langsung, dan unit setara kos penukaran. Soalan bahagian (b) menghendaki calon menghitung kos seunit setara bahan mentah langsung dan kos seunit setara kos penukaran, dan soalan bahagian (c) menghendaki calon

menghitung kos inventori akhir kerja dalam proses dan jumlah kos barang siap yang dipindah ke Jabatan B. Majoriti calon boleh menjawab soalan dengan tepat semua soalan bahagian (a), (b), dan (c) serta memperoleh markah penuh sebanyak 15 markah. Jawapan yang sepatutnya bagi seunit setara adalah seperti yang berikut:

(a)	<i>Aliran fizikal (unit)</i>		
Kerja dalam proses awal	2,400		
Unit dimulakan	12,000		
Jumlah unit input	14,400		
		<i>Bahan mentah</i>	<i>Kos penukaran</i>
<b>Unit setara</b>	<b>14,400</b>	<b>13,680</b>	<b>12,960</b>

(b)		<i>Bahan mentah</i>	<i>Kos penukaran</i>
Jumlah kos		RM184,680	RM124,416
Kos seunit setara	RM 23.10	RM184,680 13,680 unit RM13.50	RM124,416 12,960 unit RM9.60

(c)	Kos inventori akhir	<i>Jumlah (RM)</i>
Unit siap		249,480
Kerja dalam proses akhir (bahan langsung dan kos penukaran)		59,616

Soalan bahagian (d) menghendaki calon menjelaskan konsep dan tujuan unit fizikal dan unit setara dalam pengekosan proses pada jawapan di (a), di (b), dan di (c). Kebanyakan calon tidak dapat memberikan jawapan yang tepat tentang konsep unit fizikal. Namun begitu, sebahagian kecil calon yang dapat memberikan jawapan yang tepat bagi konsep unit setara. Jawapan bagi tujuan unit fizikal dan unit setara calon hanya menjawab sebagai satu jawapan sahaja. Majoriti calon gagal memahami kehendak soalan. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

Perbezaan	Unit fizikal	Unit setara
Konsep	Ukuran unit-unit output tanpa mengambil kira peratusan siap input yang diproses	Ukuran unit-unit output ikut peratusan siap bagi bahan, buruh, dan overhead yang telah dilibatkan dalam proses pengeluaran
Liputan	Menunjukkan aliran unit masuk, iaitu input bagi pemprosesan bersamaan	Menunjukkan unit-unit kerja dalam proses dalam bentuk unit setara untuk menentukan kos seunit barang siap

### Soalan 3

Soalan bahagian (a) menghendaki calon menjelaskan **empat** kelebihan teknik pengekosan serapan. Jawapan yang sepatutnya diberikan oleh calon perlu menunjukkan kelebihan pengekosan serapan dengan berbanding pengekosan marginal, bukan hanya berfokus kepada penjelasan tentang pengekosan marginal.

Majoriti jawapan calon yang tidak diterima kerana kurang tepat. Antara jawapan calon yang tidak diterima adalah seperti yang berikut:

Jawapan calon	Alasan jawapan ini tidak diterima
Lebih baik untuk membuat keputusan	Mesti ada perkataan ‘keputusan jangka panjang’
Mengambil kira overhed terlebih atau terkurang serap	Ini bukan satu kelebihan tetapi kelemahan dalam pengekosan serapan
Sesuai untuk tujuan pelaporan kepada pihak luaran	Pengekosan serapan juga digunakan sebagai laporan dalaman
Melibuti semua jenis kos tetap dan berubah	Perkataan kos mesti disebut sebagai kos tetap perkilangan dan kos berubah perkilangan

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

1. Boleh menentukan untung kasar yang mana hasil utama dibandingkan dengan belanja utama kos produk.
2. Pengekosan serapan sangat baik dalam membuat keputusan jangka panjang.
3. Memenuhi piawai perakaunan dan membolehkan pelaporan diterima atau sesuai digunakan oleh pengguna luaran dan dalaman.
4. Menitikberatkan fungsi kos dalam penyediaan pernyataan pendapatan.
5. Semua jenis kos perkilangan diambil kira (bahan, buruh, overhed perkilangan berubah dan tetap) dalam menghitung kos produk.

Soalan bahagian (b)(i) menghendaki calon menghitung kos bagi sehelai alas meja dengan menggunakan teknik pengekosan serapan. Kebanyakan calon tidak dapat menghitung kos bagi sehelai alas meja serapan seunit, iaitu RM80.00 sehelai. Kos ini terdiri daripada bahan mentah langsung RM20.00, kos buruh langsung RM15.00, dan kos overhed perkilangan. Kebanyakan calon gagal menghitung kos overhed perkilangan bagi sehelai alas meja dengan menggunakan asas pengeluaran normal seperti penghitungan yang berikut:

Kos overhed perkilangan sehelai alas meja teknik pengekosan serapan	
Overhed perkilangan	
Kos berubah	RM15.00
Kos tetap (RM150,000 / 5,000)	RM30.00

Soalan bahagian (b)(ii) menghendaki calon menghitung harga jualan bagi sehelai alas meja. Majoriti calon gagal memberikan jawapan yang tepat. Arahan bagi menghitung penetapan harga pada 100% tokokan jumlah kos, namun calon hanya fokus kepada kos pengeluaran berjumlah RM80.00 di (b)(i). Jawapan yang tepat ialah jawapan di (b)(i) sepatutnya ditambah dengan belanja jualan dan pentadbiran berubah dan tetap seperti yang berikut:

<b>Butiran kos</b>	<b>RM</b>
Kos pengeluaran sehelai alas meja	80.00
Belanja jualan dan pentadbiran berubah	9.50
Belanja jualan dan pentadbiran tetap (RM22,500/5,000 unit)	4.50
Jumlah kos	94.00
100% tokokan keuntungan (RM94 x 100%)	94.00
<b>Harga jualan</b>	<b>188.00</b>

Soalan bahagian (b)(iii) menghendaki calon menyediakan penyata pendapatan serapan menggunakan kos seunit dan harga jualan yang telah dihitung di (b)(i) dan di (b)(ii). Kebanyakan jawapan calon tidak menepati kehendak soalan kerana kesilapan menghitung kos sehelai alas meja dan harga jualan memberikan kesan kepada jawapan di bahagian ini.

Arahan soalan ini tidak memberikan maklumat overhed perkilangan tetap sebenar, namun masih ada calon yang keliru dan mengambil kira maklumat overhed belanjawan bagi mencari overhed terlebih atau terkurang serap. Jawapan bagi soalan ini tidak perlu ada overhed terlebih atau terkurang serap. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

**Jun Enterprise**  
**Penyata pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020**

	<i>RM</i>	<i>RM</i>
Jualan (11,300 × RM65)		1,504,000
Inventori awal	80,000	
Kos barang di kilang	576,000	
(tolak) Inventori akhir	(16,000)	
		640,000
Untung kasar		864,000
(tolak) Kos overhed jualan dan pentadbiran		
Kos tetap	22,500	
Kos berubah	76,000	
		98,500
Untung bersih		765,500

Penyata pendapatan pengekosan serapan tidak ada overhed terlebih atau terkurang serap kerana kos overhed tetap pengeluaran sebenar tidak diberikan dalam soalan.

#### Soalan 4

Soalan bahagian (a) menghendaki calon menyatakan **tiga** andaian kos-volum-untung. Kebanyakan calon tidak memberikan jawapan yang tepat kerana maksud ayat atau terma yang salah seperti yang berikut:

Jawapan calon	Alasan jawapan tidak terima
Unit pengeluaran diketahui terlebih dahulu	Sepatutnya unit pengeluaran adalah sama dengan unit jualan
Tiada inventori awal dan inventori akhir	Pernyataan yang salah
Anggaran kos-volum-untung terhad kepada satu produk sahaja	Anggaran kos-volum-untung adalah tidak terhad kepada satu produk sahaja
Harga jualan ialah tetap	Harga jualan ialah malar
Jumlah kos boleh dibahagi kepada kos tetap dan kos berubah	Perlu guna perkataan jumlah kos boleh dikenal pasti kepada kos tetap dan kos berubah
Kos berubah ialah malar	Perlu ada perkataan ‘kos berubah seunit’ ialah malar
Kos tetap ialah malar	Perlu ada perkataan ‘jumlah kos tetap’ ialah malar

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

1. Harga jualan ialah malar
2. Jumlah kos ialah bersifat linear dan boleh dikenal pasti sebagai kos tetap dan berubah
3. Jumlah kos tetap adalah sama pada setiap tahap aktiviti
4. Kos berubah seunit adalah sama pada setiap tahap aktiviti

Soalan bahagian (b)(i) menghendaki calon menghitung titik pulang modal (TPM) dalam unit dan RM. Oleh sebab soalan tidak menyatakan hitung TPM menggunakan rumus, margin caruman atau nisbah margin, maka calon bebas menggunakan apa sahaja jalan penghitungan yang wajar. Kebanyakan calon dapat menghitung TPM dalam unit, iaitu 37,000 dan TPM dalam RM, iaitu RM3,700,000.

Soalan bahagian (b)(ii) menghendaki calon menghitung harga jualan seunit bagi mencapai sasaran keuntungan sebanyak RM1,000,000. Apabila calon gagal mendapat jumlah kos tetap yang tepat di (b)(i), maka calon tidak dapat jawapan harga jualan yang tepat. Jawapan harga jualan yang sepatutnya ialah RM107.00 seunit.

Soalan bahagian (b)(iii) menghendaki calon menghitung jumlah keuntungan sasaran menggunakan cadangan 1 dan cadangan 2 yang diberikan dalam soalan. Kebanyakan calon gagal menghitung kos tetap dengan tepat. Terdapat juga jawapan calon yang tidak diterima apabila penghitungan calon berdasarkan jawapan di (b)(i) dan (b)(ii). Ini adalah kerana, cadangan 1 dan cadangan 2 hanya untuk soalan bahagian (b)(iii) sahaja. Jawapan yang sepatutnya ialah menggunakan rumus seperti yang berikut:

#### Cadangan 1

$$\begin{aligned}
 \text{Keuntungan} &= [(\text{Harga jualan} - \text{kos berubah}) \times \text{unit jualan}] - \text{kos tetap} \\
 &= [(RM100 - RM51) \times 55,000 \text{ unit}] - RM1,900,000 \\
 &= RM795,000
 \end{aligned}$$

## Cadangan 2

$$\begin{aligned}\text{Keuntungan} &= [(\text{Harga jualan} - \text{kos berubah}) \times \text{unit jualan}] - \text{kos tetap} \\ &= [(RM105 - RM50) \times 50,000 \text{ unit}] - RM1,880,000 \\ &= RM870,000\end{aligned}$$

Keputusan: Terima cadangan 2 sebab untung lebih tinggi dari cadangan 1

## Soalan 5

Soalan bahagian (a)(i) menghendaki calon menentukan sama ada pesanan khas patut diterima atau ditolak dengan menunjukkan penghitungan bagi menyokong keputusan itu. Ramai calon yang menjawab soalan ini dengan menggunakan teknik buat atau beli komponen. Jawapan seperti itu tidak boleh terima. Jawapan yang sepatutnya ialah calon perlu menunjukkan jalan penghitungan dan keputusan sekiranya pesanan khas itu diterima seperti yang berikut:

	RM	RM
Hasil		15,200
Kos relevan:	6,000	
Bahan mentah langsung	576,000	
Buruh langsung	3,200	
Overhead perkilangan berubah	2,800	
Komisen	760	
Jumlah kos relevan		(12,760)
Pertambahan dalam pendapatan bersih		2,440

**Keputusan:** Pesanan khas diterima kerana pendapatan bersih bertambah

Soalan bahagian (a)(ii) menghendaki calon menjelaskan **tiga** kesan keputusan menerima pesanan khas di (a)(i). Jawapan bagi soalan ini ialah bergantung kepada situasi menerima atau menolak pesanan dan kapasiti syarikat yang mencukupi atau tidak. Sekiranya calon memberikan jawapan secara umum tanpa merujuk situasi soalan yang diberikan maka jawapan mereka adalah tidak tepat. Jawapan yang sepatutnya bagi setiap kesan keputusan itu adalah seperti yang berikut:

1. Reaksi pelanggan sedia ada, iaitu rasa tidak puas hati kerana tawaran harga pesanan khas lebih rendah.
2. Peluang menembusi pasaran baharu, iaitu pesanan khas ini bukanlah sesuatu yang kerap berlaku, namun ia membantu memasuki pasaran baharu.
3. Pekerja perlu bekerja lebih masa, mungkin memberikan tekanan kepada pekerja syarikat.
4. Tanggungjawab sosial, iaitu pesanan khas ini antara sumbangan kemanusiaan kepada masyarakat (CSR).

Soalan bahagian (b)(i)(1) dan (b)(i)(2) menghendaki calon menghitung harga jualan produk dengan menggunakan asas tokokan 60% atas jumlah kos perkilangan marginal dan asas tokokan 25% atas jumlah kos perkilangan serapan. Kebanyakan calon gagal menghitung tokokan dengan menambah 100% kos ke atas kos yang telah dihitung. Namun begitu, terdapat juga calon yang berjaya menghitung asas tokokan menggunakan penghitungan yang tepat, tetapi silap menentukan kos perkilangan serapan. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

(b)(i) Peletakan harga

**1. Pengekosan Marginal:**

Bahan mentah langsung	RM104.00
Buruh langsung	RM156.00
Overhead perkilangan berubah	RM39.00
Jumlah kos berubah/marginal $(60\% \times RM299)$	RM299.00
Harga jualan	<u>RM179.40</u> RM478.40

**2. Pengekosan Serapan:**

Jumlah kos perkilangan berubah	RM299.00
Overhead perkilangan tetap	<u>RM100.00</u>
Jumlah kos $(25\% \times RM399)$	RM399.00
Harga jualan	<u>RM99.75</u> <u>RM498.75</u>

Soalan bahagian (b)(ii) menghendaki calon menjelaskan **empat** faktor yang mungkin mempengaruhi penentuan harga bagi produk YTZ selain faktor kos. Terdapat calon yang memberikan jawapan tidak tepat seperti yang berikut:

- Pekerja yang tidak berpengalaman akan mempengaruhi penentuan harga.
- Syarikat membeli bahan pada harga diskaun.
- Pembeli membeli dalam kuantiti yang banyak dan mendapat diskaun.
- Barang yang hendak dijual rosak dan perlu jual pada harga yang murah.

Jawapan yang sepatutnya bagi faktor yang mempengaruhi penentuan harga produk adalah seperti yang berikut:

1. Persaingan, iaitu peletakan harga kompetitif mengambil kira pesaing yang telah berada di pasaran yang ingin ditembusi oleh peniaga.
2. Pelanggan, iaitu kemampuan membeli produk yang ditawarkan bergantung kepada kuasa beli pelanggan.
3. Undang-undang, iaitu peletakan harga mengambil kira undang-undang yang ditetapkan oleh kerajaan.
4. Dasar kerajaan, iaitu penetapan harga mesti selari dengan dasar kerajaan dan kehendak serta polisi semasa kerajaan.
5. Keadaan ekonomi, iaitu mengambil kira perkembangan ekonomi semasa, iaitu permintaan dan penawaran pasaran semasa.

# PERAKAUNAN

## 948/3

### PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 3, bilangan calon yang mengambil mata pelajaran ini ialah 2 331 orang. Peratusan calon yang lulus penuh ialah 72.20%.

Pencapaian calon bagi mata pelajaran ini mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	8.79	3.86	10.00	4.98	15.57	17.33	11.67	3.35	5.58	2.92	15.96

### RESPONS CALON

#### KERTAS 948/3 (PENGAPLIKASIAN PERAKAUNAN)

##### *Komen am*

Mutu jawapan calon secara keseluruhan adalah sederhana. Secara keseluruhan tiga soalan yang diuji adalah akur kepada tajuk yang terdapat dalam sukanan mata pelajaran. Peruntukan masa untuk menjawab kesemua tiga soalan adalah wajar. Terdapat pelbagai aras soalan yang diuji. Kombinasi soalan seimbang dari segi tahap kesukaran. Mutu kertas soalan adalah terdiri tahap kefahaman, pengetahuan dan aplikasi, yang merangkumi soalan dari tahap mudah kepada sukar. Soalan yang dikemukakan dapat mendiskriminasikan calon yang baik dengan calon yang lemah.

##### *Komen soalan demi soalan*

###### **Soalan 1**

Soalan bahagian (a) menghendaki calon menjelaskan dengan ringkas **dua** kelebihan dan **dua** kelemahan dalam menubuhkan perniagaan perkongsian. Kebanyakan calon memberikan jawapan membandingkan perniagaan perkongsian dengan bentuk perniagaan milikan tunggal dan syarikat. Terdapat jawapan yang kerap diberikan oleh calon namun begitu tidak boleh diterima, antara jawapannya ialah:

Jawapan calon	Masalah jawapan calon
Kelebihan – Tidak perlu membayar cukai untuk perniagaan perkongsian	Jawapan ini tidak diterima kerana pendapatan perniagaan perkongsian tetap perlu ditaksir sebagai cukai pendapatan individu. Sama seperti liabiliti perniagaan perkongsian yang ditanggung oleh rakan kongsi, cukai perkongsian juga ditanggung oleh rakan kongsi secara individu.

Kelemahan – Keuntungan perniagaan perlu dikongsi bersama rakan kongsi	Jawapan ini memberikan fokus kepada pekongsi dan bukan kepada Perniagaan Perkongsian. Ramai calon tidak dapat menjawab dengan lengkap dan hanya menjelaskan kebaikan dan kelemahan perniagaan perkongsian kepada pekongsi tetapi tidak menjelaskan kebaikan dan kelemahan kepada perkongsian
Kelebihan – Modal lebih diperuntukan	Jawapan ini seolah-olah menunjukkan modal lebih besar sebagai kebaikan perniagaan.
Kelemahan – Sering berlaku pergaduhan	Calon sepatutnya memberikan jawapan perkongsian mungkin menyebabkan berlaku kelewatan dalam proses membuat keputusan perniagaan.

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

Kelebihan	Kelemahan
1. Proses penubuhan adalah lebih mudah	1. Liabiliti tidak terhad, iaitu harta milik pekongsi juga boleh menjadi cagaran
2. Lebih banyak kemahiran boleh diperoleh daripada rakan kongsi	2. Jangka hayat perniagaan terhad, iaitu mudah terbubar apabila rakan kongsi muflis atau meninggal dunia
3. Modal yang disumbangkan rakan-rakan kongsi akan lebih besar	3. Masalah kesefahaman antara rakan kongsi dalam mencapai kata sepakat dalam membuat keputusan perniagaan

Soalan bahagian (b) menghendaki calon menyediakan penyata pendapatan perkongsian. Soalan ini menunjukkan penguasaan calon yang sangat baik. Kesilapan bagi calon yang gagal mendapat jawapan untung bersih yang tepat ialah tidak dapat menghitung belanja gaji, seperti jalan kerja yang berikut. Jawapan yang sepatutnya ialah calon mesti menunjukkan jalan penghitungan sebelum calon memberikan jawapan akhir seperti yang berikut:

$$\text{RM}250,000 - (\text{RM}2,500 \times 2 \text{ orang} \times 12 \text{ bulan}) = \text{RM}190,200$$

Kebanyakan calon dapat memberikan jawapan untung kasar dan untung bersih yang tepat, iaitu masing-masing berjumlah RM412,500 dan RM65,200.

Soalan bahagian (b)(ii) menghendaki calon menyediakan penyata pengasingan untung rugi perkongsian. Kelemahan kebanyakan calon di bahagian ini ialah calon telah menggunakan terma yang tidak tepat bagi amaun kongsi untung atau rugi. Calon telah kehilangan markah disebabkan meletakkan butiran salah semasa melabelkan item.

Contoh jawapan yang tidak diterima:

Kongsi untung / rugi:

Wong 9,200

Razak 6,900

Prema 6,900

Baki kongsi rugi soalan ini berjumlah RM23,000 perlu direkod sebagai butiran Akaun Modal pekongsi seperti yang berikut:

#### Penyata Pengasingan Untung dan Rugi

Pembahagian untung atau rugi:

Akaun Modal Wong	(RM9,200)
Akaun Modal Razak	(RM6,900)
Akaun Modal Prema	(RM6,900)

Soalan bahagian (b)(ii) menghendaki calon memberikan pendapat adakah bersetuju dengan pendapat bahawa semua wang tunai yang diperoleh daripada pembubaran perkongsian diagihkan berdasarkan nisbah pembahagian keuntungan. Sekali lagi jawapan yang diterima menunjukkan kebanyakan calon sangat lemah dalam menjawab soalan kualitatif. Jawapan yang diberikan jelas menunjukkan calon tidak memahami kehendak soalan.

Calon cenderung memberikan jawapan tentang langkah-langkah pembubaran. Calon sepatutnya menjelaskan agihan balik modal berdasarkan baki modal akhir kerana soalan telah menyatakan adakah wang tunai diperoleh daripada pembubaran perniagaan diagihkan mengikut nisbah keuntungan.

Jawapan yang sepatutnya diberi adalah seperti yang berikut:

**Tidak bersetuju** apabila keuntungan dan kerugian atas pembubaran diagihkan kepada rakan kongsi berdasarkan nisbah keuntungan mereka. Sebaliknya pengagihan tunai daripada pembubaran ini hendaklah diagihkan berdasarkan baki modal akhir rakan kongsi pada masa pembubaran berlaku.

#### Soalan 2

Soalan bahagian (a) menghendaki calon menjelaskan **empat** jenis analisis kewangan yang boleh digunakan untuk menganalisis kedudukan kewangan dan prestasi sesebuah syarikat. Kebanyakan calon hanya dapat mengemukakan jawapan secara ringkas, iaitu analisis mendatar, analisis menegak, dan analisis nisbah. Calon gagal mendapat markah penuh untuk soalan ini kerana calon hanya menyatakan jenis tanpa menjelaskan setiap jenis analisis yang dinyatakan. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

1. Analisis mendatar menggunakan penyata kewangan perbandingan untuk mengira peratus perubahan setiap item daripada satu tempoh kepada tempoh yang akan datang.
2. Analisis menegak menggunakan satu penyata kewangan dalam tempoh tahun yang sama dan setiap item dilihat dalam peratusan daripada jumlah signifikan tempoh tersebut. Contohnya item dalam penyata pendapatan dinyatakan dalam peratusan kepada jumlah jualan.
3. Peratus trend menunjukkan perubahan berdasarkan faktor masa
4. Analisis nisbah menunjukkan perkaitan antara item dalam penyata kewangan dalam satu tempoh kewangan.
5. Analisis ‘common-size statement’: penyata kewangan hanya menunjukkan peratusan dan bukan dalam amaun wang.

Soalan bahagian (b)(i) menghendaki calon menyediakan analisis mendatar bagi penyata kedudukan kewangan yang diberi dalam soalan. Kebanyakan calon yang menjawab soalan ini memberikan jawapan yang baik dan memuaskan. Namun, terdapat juga calon yang hanya menunjukkan peratus perubahan tanpa memberikan amaun perubahan dan menyebabkan calon kehilangan 50% daripada markah yang

diperuntukkan. Ada juga calon memberikan jawapan yang positif sebagai negatif, iaitu dalam kurungan dan sebaliknya, kesannya calon gagal memperoleh markah yang sepatutnya. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

<b>Butiran</b>	<b>Meningkat (menurun)</b>	
	<b>Amaun (RM)</b>	<b>%</b>
<b>Aset semasa</b>		
Tunai	(11,500)	(48.94)
Akaun belum terima	20,000	50.0
Inventori	(20,000)	(20.0)
Belanja Prabayar	1,800	150
<b>Jumlah Aset Semasa</b>	<b>(9,700)</b>	<b>(5.9)</b>
Hartanah dan Peralatan		
Bangunan dan Peralatan	35,000	41.18
Jumlah aset bukan semasa	35,000	28.00
Jumlah aset	25,300	8.73
<b>Liabiliti semasa</b>		
Akaun belum bayar	23,000	52.27
Nota belum bayar	(3,000)	(50.0)
Jumlah liabiliti semasa	20,000	40.00
<b>Liabiliti jangka panjang</b>		
Bon belum bayar	(5,000)	(6.25)
Jumlah liabiliti	15,000	11.5
<b>Ekuiti Pemilik</b>		
Pendapatan Tertahan	10,300	14.78
Jumlah ekuiti pemilik	10,300	6.45
Jumlah liabiliti dan ekuiti pemilik	25,300	8.73

Soalan bahagian (b)(ii) menghendaki calon memberikan ulasan berkaitan dengan kedudukan kecairan, keumpilan dan keberuntungan syarikat pada tahun 2021 sahaja. Kesilapan kebanyakan calon adalah membuat perbandingan daripada tahun sebelumnya. Kelemahan calon sangat ketara bagi soalan ini, apabila tidak melabel kumpulan nisbah yang dijawab oleh mereka. Sepatuunya jawapan calon mesti mempunyai perincian bagi setiap nisbah yang telah diberi dalam soalan seperti yang berikut:

Calon boleh memilih mana-mana satu nisbah dalam kumpulan yang diminta.		
	Nisbah	Ulasan
<b>Kecairan</b>		
Nisbah Semasa	$\frac{\text{Aset semasa}}{\text{liabiliti semasa}}$ $= \frac{155,000}{70,000}$ $= 2.21 : 1$	Kemampuan bayar balik hutang jangka pendek adalah baik.
Nisbah cepat	$\frac{\text{Aset semasa} - \text{inventori}}{\text{liabiliti semasa}}$ $= \frac{155,000 - 80,000 - 3,000}{70,000}$ $= 1.03:1$	Kemampuan bayar balik hutang atau liabiliti jangka panjang dengan kadar segera adalah baik
<b>Keumpilan</b>		
Nisbah hutang atas ekuiti	$\frac{\text{Jumlah hutang}}{\text{Jumlah ekuiti}}$ $= \frac{145,000}{170,000}$ $= 0.85 : 1$	Risiko operasi rendah iaitu risiko adalah mampan
Nisbah hutang atas aset	$\frac{\text{Jumlah hutang}}{\text{Jumlah aset}}$ $= \frac{145,000}{315,000}$ $= 0.46 : 1$	Syarikat mampu meneruskan operasinya kerana nisbah hutang yang agak baik. Risiko mampan
<b>Keberuntungan</b>		
Pulangan atas aset	$\frac{\text{Untung bersih}}{\text{Purata aset}}$ $= \frac{(80,000 - 69,700)}{(315,000 + 289,700/2)}$ $= 3.41\%$	Keupayaan syarikat untuk memperolehi keuntungan daripada aset adalah rendah

### Soalan 3

Soalan bahagian (a) menghendaki calon menyatakan **dua** perbezaan antara maklumat yang dilaporkan dalam penyata aliran tunai dengan maklumat yang dilaporkan dalam penyata pendapatan komprehensif. Soalan ini sekali lagi menunjukkan penguasaan calon yang lemah dalam menjawab soalan kualitatif. Kebanyakan calon tidak mendapat markah penuh kerana calon hanya menjawab secara am dan terdapat jawapan yang berbentuk negatif. Kebanyakan calon membuat perbandingan yang kurang tepat yang mana penerangan yang diberikan tidak lengkap. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

Aspek	Penyata Aliran Tunai	Penyata Pendapatan
Maklumat dilaporkan	Aliran tunai untuk tiga aktiviti, iaitu operasi, pelaburan dan pembiayaan	Pendapatan atau untung dan belanja atau rugi
Asas perakaunan	Asas tunai	Asas akruan
Petunjuk/indikator	Kecairan syarikat	Keberuntungan syarikat
Melaporkan komponen	peningkatan/pengurangan tunai	Melaporkan untung/rugi bersih
	Perubahan tunai untuk tempoh dua tahun	Menunjukkan untung bersih untuk tempoh setahun

Soalan bahagian (b) menghendaki calon memberikan **tiga** kemungkinan yang menyebabkan berlaku situasi aktiviti operasi tunai menjadi negatif. Kebanyakan calon yang menjawab bahagian ini mempu memberikan jawapan yang baik dan tepat. Namun begitu terdapat juga sebilangan besar calon yang memberikan jawapan yang tidak tepat seperti yang berikut:

1. Cukai belum bayar
2. Belanja operasi meningkat
3. Belanja melebihi hasil
4. Hasil jualan rendah

Kesemua jawapan di atas tidak diterima kerana calon tidak menulis perkataan tunai, sedangkan soalan sedang menguji tentang aliran aktiviti operasi yang negatif. Jawapan calon yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

1. Bayaran tunai cukai yang semakin meningkat
2. Bayaran belanja operasi meningkat
3. Belanja yang dibayar secara tunai melebihi hasil jualan tunai yang diterima
4. Hasil jualan tunai yang rendah
5. Kutipan akaun belum terima rendah
6. Bayaran tunai kepada pembekal yang tinggi
7. Hasil penerimaan dividen tunai yang rendah

Soalan bahagian (c) menghendaki calon menyediakan penyata aliran tunai untuk Baiduri Berhad. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik dan memberikan kerja penghitungan yang lengkap. Namun begitu ada sebilangan kecil calon yang masih tidak menunjukkan jalan kerja yang terperinci dan lengkap. Masih terdapat calon yang silap mengelas komponen aktiviti tunai. Kebanyakan calon gagal memberikan angka yang dicatat dalam setiap aktiviti terutamanya bagi belanja operasi.

Ramai calon tidak dapat memberikan jawapan penurunan tunai bersih sebanyak RM3,000. Namun begitu, kesilapan kebanyakan calon yang menyebabkan mereka hilang markah adalah kerana perkara yang berikut:

1. Tidak memberikan tajuk penyata yang lengkap.
2. Perkataan penurunan tunai bersih mesti lengkap dengan perkataan bersih RM3,000
3. Tidak memberi jalan penghitungan
4. Menulis butiran yang tidak tepat bagi komponen aktiviti, seperti cukai dibayar ditulis sebagai cukai belum bayar, dividen dibayar ditulis sebagai dividen dicadang

Jawapan yang sepatutnya bagi setiap aktiviti adalah seperti yang berikut:

**Syarikat Baiduri Berhad**  
**Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir 31 Mac 2021**

<b>Aliran tunai daripada aktiviti operasi:</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Terimaan tunai dari pelanggan		345,150
(-) Bayaran kepada pembekal	136,000	
Belanja operasi	55,000	
Belanja faedah	11,400	
Belanja cukai	15,750	
 Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi		127,000
<b>Aliran tunai dari aktiviti pelaburan:</b>		
Jualan mesin	17,000	
Belian mesin	(100,000)	
Belian pelaburan jangka pendek	(17,000)	
Aliran tunai bersih daripada aktiviti pelaburan		(100,000)
 <b>Aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan:</b>		
Bayaran pinjaman jangka panjang	(18,000)	
Pembayaran dividen	(8,000)	
Bayaran pinjaman jangka pendek	(4,000)	
Aliran tunai bersih dari aktiviti pembiayaan		(30,000)
 Aliran tunai bersih		(3,000)
Baki tunai awal		59,000
Baki tunai akhir		56,000